

24 FEB 1998

Dompok-jawatan

JANGAN TERLALU GHAIRAH DENGAN POLITIK, KATA DOMPOK

KOTA KINABALU, 24 Feb (Bernama) -- Menteri Alam Sekitar dan Pelancongan Sabah Tan Sri Bernard Dompok berkata rakyat negeri itu perlu memberi tumpuan kepada kemajuan ekonomi dan tidak taksab dengan politik.

"Cukuplah dengan apa yang sudah diperkatakan mengenai politik dan saya berpendapat rakyat kini harus tertumpu kepada pembangunan," kata beliau kepada pemberita selepas menutup satu seminar pelancongan di sini.

Beliau enggan mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Ketua Menteri baru Sabah yang akan dilantik daripada kalangan masyarakat Kadazandusun berdasarkan pelantikan bergilir-gilir di negeri itu, tidak semestinya seorang Timbalan Ketua Menteri.

Penggal Datuk Yong Teck Lee sebagai Ketua Menteri tamat hujung Mei ini dan terdapat ura-ura calon berikutnya ialah sama ada Timbalan Ketua Menteri Datuk Joseph Kurup, yang juga Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) atau Dompok, yang juga Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS).

Yong dilantik pada 28 Mei 1996. Mengikut sistem penggiliran setiap dua tahun itu, Ketua Menteri Baru baru selepas ini ialah daripada kalangan Bumiputera bukan Islam.

Dalam ucapannya pula, Dompok berkata Sabah mempunyai potensi menarik lebih ramai pelancong Jepun.

Beliau menggesa pengusaha industri itu di Sabah supaya mementingkan standard perkhidmatan mereka seperti keselamatan dan kebersihan yang menjadi antara keutamaan pelancong Jepun.

"Jika kita abaikan dua aspek ini, pelancong dari Jepun pasti tidak mahu melawat negara kita," katanya. -- BERNAMA

EM MAI